

07 SEP 1997

Umno-Rokok

MAHATHIR "TANGKAP" MENTERI BUANG PUNTUNG ROKOK

Oleh: Sobrey Jaafar

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Seorang menteri "ditangkap" bukan oleh polis atau pegawai penguatkuasa Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) tetapi oleh Perdana Menteri sendiri kerana membuang puntung rokok dalam pasu bunga pada Perhimpunan Agung Umno di sini.

Sungguhpun, hampir setiap penjuru dan dinding di bangunan PWTC terpampang papan tanda "Jangan Merokok" tetapi masih terdapat ramai tidak mengendahkan larangan itu.

Menteri itu, yang merokok di kawasan luar dari ruang larangan merokok semalam, "ditangkap" oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa beliau membuang puntung rokok dalam sebuah pasu bunga di hadapan ruang rehat bagi orang kenamaan.

Insiden itu diceritakan sendiri oleh seorang pegawai tertinggi Putrade Sdn Bhd kepada Bernama hari ini.

Beliau mendedahkan insiden itu apabila ditanya tentang perasaannya mengenai arahan larangan merokok tidak dipatuhi oleh ramai perwakilan, pemerhati, orang ramai dan juga wartawan sepanjang perhimpunan agung empat hari ini yang masuk hari terkahir hari ini.

"Awak tahu, semalam PM sendiri tangkap (seorang menteri) bila dia nampak menteri itu membuang puntung rokok dalam pasu bunga," kata pegawai itu sambil menunjukkan ke arah pasu bunga di luar ruang rehat orang kenamaan.

Menurut pegawai itu, Dr Mahathir berkata kepada menteri berkenaan: "Oh... awaklah orangnya yang suka buang sampah dalam pasu bunga. Saya cuba nak bersihkan Bukit Bintang, tapi awak..."

Baru-baru ini Dr Mahathir melahirkan kemarahannya terhadap sikap rakyat yang mengotori kawasan Bukit Bintang di bandaraya ini kerana suka membuang sampah di merata tempat.

Isu Bukit Bintang kotor juga dibincangkan oleh para perwakilan perhimpunan Umno kali ini.

Misalnya, wakil dari Kedah Datuk Badruddin Amiruldin kasihan dengan Perdana Menteri kerana turut terpaksa menangani masalah sampah di Bukit Bintang yang sepatutnya dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Merokok adalah di antara amalan yang paling tidak digemari Dr Mahathir dan beliau kerap menyuarakan pendapatnya mengenai perkara ini. -- BERNAMA

SJA AU RON